

NOTA MAKLUMAN

MENGENAI

**KEBAKARAN KILANG PLASTIK, BIG MEGATRAX PLASTIC SDN.
BHD. DI LOT 20B, KAWASAN PERINDUSTRIAN BENTONG, 28700
BENTONG, PAHANG**

PADA

20 NOVEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkaitan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima maklumat berkaitan kebakaran kilang plastik, Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd. yang beralamat di Lot 20B, Kawasan Perindustrian Bentong, 28700 Bentong, Pahang melalui aplikasi *WhatsApp* pada jam 8.21 malam, 20 November 2025.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 20 November 2025

3. Wakil premis Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd. yang dihubungi sebaik sahaja maklumat diterima memaklumkan kejadian berlaku pada jam 6.30

petang, 20 November 2025 dan kebakaran disyaki berpunca daripada litar pintas (*short circuit*) pada bahagian mesin. JAS dimaklumkan kebakaran telah berjaya dipadamkan sepenuhnya oleh pihak BOMBA dan punca sebenar masih dalam siasatan pihak BOMBA.

4. Siasatan rekod JAS mendapati, Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd. yang dahulunya dikenali sebagai Megatrax Plastic Sdn. Bhd. merupakan sebuah kilang kitar semula plastik terpakai. Berdasarkan rekod pemeriksaan yang dijalankan pada 26 Ogos 2025 susulan aduan bau busuk, kilang Megatrax Plastic Sdn. Bhd. didapati telah menukar proses kitar semula plastik daripada menghasilkan 'plastik pallet' kepada aktiviti pyrolysis.

5. Kilang juga didapati telah dijual kepada pemilik baru yang berasal daripada negara China dengan menggunakan nama syarikat Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd. dan telah dikenakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) ke atas Alat Pembakaran Bahan Api (dapur memasak) bagi kesalahan di bawah Sek. 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

6. Pihak premis juga telah diarahkan untuk menghentikan operasi dan mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) kepada JAS bagi Aktiviti 14(b)(ii), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 melalui Notis Arahan Seksyen 31, AKAS 1974 pada 3 September 2025. Satu kertas siasatan bagi tujuan tindakan mahkamah sedang disediakan ke atas syarikat Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd.

7. JAS dimaklumkan oleh wakil premis bahawa mereka telah melantik perunding untuk menyediakan Laporan EIA. Walau bagaimanapun pihak premis didapati telah melanggar arahan JAS dengan membuka '*cable lock*' dan beroperasi semula pada 28 Oktober 2025. Susulan pelanggaran terhadap Notis Arahan, kertas siasatan sedang disediakan bagi kesalahan melanggar Notis Arahan Sek. 31, AKAS 1974 dan dokumen permohonan Perintah Larangan sedang disediakan.

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 21 November 2025

8. Siasatan di dalam premis telah dijalankan pada 21 November 2025 setelah pihak BOMBA mengesahkan premis selamat dimasuki.

9. Kawasan yang terbakar hanya melibatkan bahagian mesin yang digunakan untuk proses memasak plastik. Bahan mentah iaitu plastik terpakai didapati tidak mengalami kebakaran.

10. Pemeriksaan terhadap buku rekod operasi membuktikan premis beroperasi semula dan mengabaikan Notis Arahan JAS sehingga menyebabkan berlakunya litar pintas dan seterusnya terbakar.

Tindakan-Tindakan Jabatan Alam Sekitar

11. JAS telah mengarahkan pihak premis mengemukakan laporan bertulis berkaitan kejadian dan pelan tindakan pembersihan yang akan dilaksanakan oleh pihak premis.

12. JAS sedang melengkapkan kertas siasatan bagi kesalahan sebelum kejadian kebakaran dan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

SYOR

13. JAS akan mendapatkan laporan lengkap berkaitan kejadian kebakaran daripada pihak BOMBA.

14. Disyorkan tindakan Perintah Larangan di bawah Seksyen 31A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.


15. JAS akan terus memantau operasi pembersihan yang dijalankan dan pematuhan premis terhadap semua arahan yang telah dikeluarkan.

PENUTUP

16. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

21 NOVEMBER 2025



Gambar 1: Lokasi premis Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd.




Gambar 2: Kebakaran premis Big Megatrax Plastic Sdn. Bhd. yang diterima oleh JAS melalui aplikasi WhatsApp pada 20 November 2025

Gambar Siasatan Pada 21 November 2025








Gambar 3 - 5: Keadaan kawasan yang terlibat dalam kebakaran

17-11-2002

(2)

Time	Machine No 1	Machine No 2	Machine No 3
03:00	40	30	34
04:00	60	60	59
05:00	80	90	91
06:00	80	100	100
07:00	90	130	105
08:00	120	160	113
09:00	140	180	127
10:00	150	180	135
11:00	130	160	120
12:00	140	140	130
01:00	170	200	150
02:00	200	280	150
03:00	220	300	210
04:00	240	320	230
05:00	250	320	250
06:00	260	340	250
07:00	260	350	260
08:00	270	360	272
09:00	270	360	290
10:00	270	310	248
11:00	270	280	224
12:00	270	270	212
01:00	290	200	203
02:00	315	170	179



Gambar 6 & 7: Buku log yang dijumpai di dalam premis menunjukkan pihak premis beroperasi dalam tempoh Penahanan Operasi Kelengkapan (POK)